

JAS analisis sampel air dari empat lokasi

Jabatan Alam Sekitar (JAS) menghantar sampel air dari empat lokasi dalam siasatan kes pencemaran bau di Sungai Buah di Nilai yang didakwa menjadi punca penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada 23 Oktober lalu.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri, berkata enam agensi Persekutuan dan negeri masih meneruskan siasatan di kawasan berkenaan.

"Siasatan bersepadu membabitkan JAS Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Nilai, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) masih diteruskan.

"Siasatan ini dilaksanakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan sampel air di empat lokasi dihantar kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis.

"Proses siasatan termasuklah membabitkan isu tumpahan minyak disebabkan kemalangan lori pengangkut minyak sawit di Kilometer 45.9 Lebuhraya ELITE arah utara yang dikatakan mencemarkan Sungai Buah yang mengalir ke Sungai Semenyih," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan) yang bertanya tindakan diambil terhadap pihak yang membuang sisa toksik di Bentong, Pahang dan Nilai, Negeri Sembilan.